



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

## SIARAN MEDIA

### **PENEMUAN KAJI SELIDIK MEDAC MENGENAI IMPAK COVID-19 DAN PENGUATKUASAAN PKP KEPADA USAHAWAN**

**Putrajaya, 4 Jun 2021** – Lebih 90 peratus usahawan mikro, kecil, sederhana dan informal berisiko untuk menutup perniagaan sekiranya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan secara berterusan.

Kaji selidik yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) pada Mac lalu mendapati, majoriti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta usahawan informal daripada pelbagai sektor ekonomi merasa gusar dengan kelangsungan operasi perniagaan mereka. Manakala, 54 peratus, terutamanya perusahaan mikro menyatakan hanya mampu bertahan di antara tiga hingga enam bulan sahaja. Keadaan ini dikhuatiri akan menyumbang kehilangan pekerjaan kepada lebih 3 juta penduduk di Malaysia.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, penemuan kaji selidik ini amat membimbangkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan terpaksa mengambil langkah drastik dengan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan yang lebih ketat atau *lock down* berikutan peningkatan mendadak kes Covid-19. Pada masa yang sama, Kerajaan tetap komited dalam menumpukan usaha bagi menyeimbangkan di antara kesihatan dan kelangsungan hidup rakyat.

PMKS yang berjumlah lebih 1.15 juta pada tahun 2020, memberi sumbangan yang amat signifikan dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Ia menyumbang kepada hampir separuh daripada guna tenaga di negara ini iaitu sebanyak 7.3 juta orang.

“Perusahaan mikro dan informal yang paling teruk terjejas kerana produk dan perkhidmatan mereka adalah dalam sektor *non-essential* dan mereka juga tidak mempunyai simpanan dan aliran tunai yang kukuh. Walaupun nilai sumbangan ekonomi yang diberikan agak kecil, bilangan usahawan mikro dan informal adalah antara yang terbesar di negara ini.”

“Adalah penting untuk memastikan jenis bantuan yang bersesuaian diberi bagi membantu usahawan mikro serta informal, dan inisiatif PEMERKASA+ yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini dijangka mampu menyokong daya tahan golongan ini sepanjang tempoh *lock down* dilaksanakan.”, tambah beliau lagi.

Seramai 3,855 responden yang terlibat dalam kaji selidik yang dilaksanakan oleh MEDAC. Daripada jumlah tersebut, majoriti iaitu 58% adalah perusahaan mikro manakala bakinya adalah perusahaan kecil, dan sederhana, koperasi dan informal.

Terdahulu, Kerajaan telah memperuntukkan RM340 bilion dalam pelbagai Pakej Rangsangan Ekonomi bagi membantu mengurangkan impak PKP. Namun, sehingga kini ekonomi negara masih belum pulih sepenuhnya. Kaji selidik ini juga mendapati 72% usahawan menjangkakan perniagaan akan terus mengalami kerugian.

Kaji selidik yang dilaksanakan oleh MEDAC ke atas pengguna pula mendapati Penguatkuasaan PKP turut memberi kesan negatif ke atas kehidupan rakyat. Kesan ini berbeza mengikut kumpulan pendapatan di mana golongan B40 lebih terkesan dengan isu kewangan, manakala golongan M40 dan T20 terkesan dengan isu sosial.

Kaji selidik yang melibatkan seramai 2,888 responden dalam tempoh yang sama ini juga mendapati pekerja yang bekerja di sektor swasta merupakan mereka yang paling berisiko tinggi untuk diberhentikan kerja. Lebih 50% daripada kumpulan B40 dan hampir 50% kumpulan M40 telah mengalami pengurangan pendapatan sebanyak 10% hingga 30% akibat penguatkuasaan PKP. Manakala 30% daripada kumpulan T20 telah mengalami pengurangan pendapatan lebih 50%.

Dato Sri Wan Junaidi Tuanku Jaafar turut menegaskan bahawa MEDAC telah mengenalpasti langkah intervensi yang bersesuaian untuk dilaksanakan bagi membantu usahawan menangani impak PKP antaranya ialah meneruskan

pelaksanaan langkah intervensi di bawah Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi MEDAC, bantuan pembiayaan dan moratorium secara bersasar.

“Dalam pada itu, MEDAC juga akan melaksanakan siri kaji selidik seterusnya selepas dua minggu tempoh *lock down* dilaksanakan. Ini bagi menilai impak lanjut yang dihadapi oleh usahawan termasuk langkah keberkesanan intervensi yang dilaksanakan oleh Kerajaan.”

Rakyat digesa untuk terus mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan dan memainkan peranan untuk sama-sama menjaga keselamatan dan kesihatan masing-masing melalui pengambilan vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan. Sokongan kepada pelaksanaan program ini akan membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi negara dan mengembalikan semula kualiti kehidupan rakyat yang teruk terjejas ketika pandemik.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**